

UUM ONLINE: Seramai 13 atlet daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terpilih untuk Kejohanan Sukan antara Universiti Asean ke-15 di Chiang Mai, Thailand mulai 14 hingga 23 Disember depan diharap mencatat kejayaan yang cemerlang.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika berucap kepada kontinjen yang terpilih untuk mewakili negara dan UUM ini akan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan meletakkan kejayaan di bahu mereka.

"Walaupun kalangan atlet yang terpilih ini adalah mewakili universiti namun mereka harus sedar bahawa bendera negara menjadi sandaran ketika bertarung di gelanggang," kata beliau.

Oleh itu disiplin, daya ketahanan, ketekunan dan semangat untuk berjuang bagi memungut pingat harus dikecapi agar nama Malaysia akan menjadi sebutan.

Atlet UUM ini mewakili Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) ini masing-masing terdiri daripada lapan atlet golf, empat atlet bola keranjang dan seorang pesilat.

Prof. Dr. Mohamed Mustafa berkata, bukan semua atlet dapat mewakili negara dan kesempatan yang diberikan kepada atlet dari UUM untuk mewakili Majlis Sukan Universiti (MASUM) ke Chiang Mai ini harus menjadi kebanggaan kerana ianya merupakan satu penghormatan kepada diri sendiri, universiti dan negara ini.

Katanya penyertaan atlet dari universiti menunjukkan bahawa selain daripada kecemerlangan akademik, sukan juga penting dan boleh membawa mereka ke persada yang lebih tinggi.

Beliau juga berharap bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan pihak universiti bersedia untuk membuka peluang sekiranya tokoh-tokoh sukan sama ada dari dalam atau luar negara dijemput untuk mengadakan sesi bersama pelajar di kampus ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Sukan UUM merangkap Pengurus Golf MASUM Shafferi Rejab berkata, kesemua atlet yang terpilih ini sedang menjalani latihan pusat dan pastinya akan berusaha untuk memungut pingat bagi kejayaan negara dan menaikkan imej universiti ini.

"Kita menyandarkan dua pingat emas dalam sukan golf tetapi ini bukan bermakna pungutan pingat untuk sukan lain tidak menjadi sandaran namun saya yakin dengan suntikan semangat daripada Naib Canselor dalam ucapannya pasti akan membuahkan hasil yang lebih dalam pencapaian pingat dalam pertandingan di Chiang Mai," katanya.

Di majlis itu, Prof. Dr. Mohamed Mustafa turut menyerahkan bendera Malaysia kepada Mohd Nafiyuddin Abdul Manaf yang mewakili sukan golf ke kejohanan itu.

Antara pegawai lain yang terlibat dalam kontinjen ini ialah Norizan Md Isa, Juhana Juhari, Norazli Abd Aziz dan Rosni Wan Chik.

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my